



ARAHAN

KETUA PENGARAH, BAHAGIAN PERLINDUNGAN BILANGAN 4 TAHUN 2021

PELAKSANAAN SISTEM KEDATANGAN BIOMETRIK DI BAHAGIAN PERLINDUNGAN (BP)

Arahan ini dikeluarkan sebagai kawalan dalaman BP bagi pematuhan terhadap Surat Pekeliling Am Bil. 11 Tahun 1981; Sistem Penggunaan Kad Perakam Waktu (*Punch Card*) di Pejabat-Pejabat Kerajaan.

2. Sebagaimana yang semua sedia maklum, selaras dengan perkembangan teknologi, Kerajaan melalui Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2004 telah bersetuju agensi-agensi Kerajaan menggunakan sistem perakam waktu elektronik menggantikan Kad Perakam Waktu yang menawarkan alternatif yang lebih baik bagi merakam kehadiran dan pergerakan pegawai.
3. Dalam konteks ini, sejak BP beroperasi sepenuhnya secara rasmi di Menara Usahawan pada 1 Disember 2020, masih lagi menggunakan sistem kad perakam waktu sebagai langkah interim memandangkan sistem elektronik asal di ruang pejabat terdahulu tidak lagi sesuai digunakan di premis baharu. Susulan itu, dalam usaha memodenisasi sistem sokongan Kerajaan dan komitmen Pegawai Pengawal, BP telah membangunkan Sistem Kedatangan Biometrik pada 21 Mei 2021. Ia merupakan salah satu kaedah untuk mengecam individu berdasarkan ciri-ciri biologi dan tingkah laku. Penggunaan teknologi biometrik seperti penggunaan pengecaman muka menggunakan imej optik

untuk mengenal pasti identiti diyakini mampu meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan berasaskan faktor kejayaan kritikalnya melalui tahap ketepatan yang tinggi. Tambahan, dalam situasi pandemik COVID-19 yang belum berakhir, maka pengaplikasian teknologi harus lebih meluas mnegambil kira situasi semasa seperti pengecaman suhu badan.

4. Oleh demikian, selaras keputusan Mesyuarat Pengurusan, Bahagian Perlindungan Bil. 2 Tahun 2021 pada 24 Ogos 2021, saya **bersetuju** supaya warga BP mengguna pakai Sistem Kehadiran Biometrik. Di samping itu, sebelum penguatkuasaan penuh, beberapa penambah baikan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa dan satu Garis Panduan akan dikeluarkan sebagai rujukan.

5. Sehubungan itu, bagi menentusahkan kestabilan dan keupayaan sistem, tempoh transisi / percubaan adalah selama **dua (2) bulan**. Dalam tempoh ini, penggunaan Kad Perakam Waktu sedia ada masih berkuatkuasa. Maka, dalam tempoh tersebut warga BP perlu **merakam waktu kehadiran bertugas dan pulang pada kedua-dua sistem berkenaan**.

6. Arahan ini berkuatkuasa pada **1 September 2021**.

Sekian, terima kasih.



KHAIRUL ANWAR BIN HAJI ZAKARIA

Ketua Pengarah

Bahagian Perlindungan

1 September 2021